

# Dua anggota DBKL cedera diserang penjaja tanpa lesen

Kejadian berlaku di Jalan TAR dan Jalan Benteng

Oleh MOHD AZLIM ZAINURY  
KUALA LUMPUR



**D**ewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) memandang serius insiden provokasi yang mengakibatkan kecederaan terhadap dua anggota penguat kuasanya ketika menjalankan tugas pemantauan di Bazar Ramadan dan Aidilfitri.

DBKL dalam satu kenyataan menegaskan bahawa peluang berniaga di bazar telah dibuka secara adil kepada semua yang berminat dan memenuhi syarat.



Video tular memaparkan anggota penguat kuasa didakwa diserang penjaja dalam satu kejadian di ibu negara pada Rabu.

“Kadar sewa tapak juga ditawarkan pada harga berpatutan bagi memastikan peniaga boleh beroperasi secara sah dalam suasana teratur.

“Langkah penguatkuasaan ini diambil bagi melindungi hak penjaja berlesen serta kesejahteraan warga kota,” ujar

dalam kenyataan itu pada Khamis.

Terdahulu, dalam dua kejadian berasingan pada Rabu, dua anggota DBKL didakwa diserang oleh penjaja tanpa lesen ketika mereka melaksanakan tindakan penguatkuasaan di sekitar Jalan Tuanku Abdul Rahman (TAR) dan

Jalan Benteng di sini.

Menurut DBKL, sebelum sebarang tindakan diambil, penjaja tanpa lesen akan diberikan teguran dan notis.

“Penguatkuasaan hanya dilakukan terhadap mereka yang mengingkari arahan dan terus beroperasi secara tidak sah,” katanya.

Bagaimanapun jelasnya, terdapat segelintir individu yang melakukan provokasi dan bertindak agresif terhadap petugas DBKL, menyebabkan kecederaan dalam kejadian terbaharu itu

“Berikutan itu, dua laporan polis telah dibuat dan pelaku telah diserahkan kepada pihak berkuasa,” ujarinya lagi.

DBKL turut menegaskan, pihaknya tidak akan berkompromi terhadap sebarang tindakan agresif ke atas petugas yang menjalankan amanah demi kepentingan masyarakat.